

**Empat atlet Sukan SEA FSKTM dirai**

SERDANG, 29 Dis – Empat atlet negara yang merupakan pelajar Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) Universiti Putra Malaysia (UPM) diraikan dalam majlis penghargaan kerana kecemerlangan pada Sukan SEA 2011 Indonesia bulan lalu.

Tiga daripadanya yang meraih pingat emas ialah atlet lawan pedang, Liong Ming Chang, S. Kannathasan (olahraga), K. Thegarajan (karate-do), sementara Koo Chee Zhong (wusyu) pula meraih pingat perak.



Dekan FSKTM, Prof. Dr. Ramlan Mahmud berkata pihaknya memberikan motivasi untuk meraikan mereka yang telah memberi sumbangan bermakna untuk negara di rantau Asia Tenggara.

"Keempat-empatnya membuktikan bahawa pelajar bukan sahaja boleh cemerlang dalam bidang akademik, tetapi juga sukan. Sebagai pelajar, sukan tidak menghalang mereka untuk cemerlang dalam bidang pelajaran.



"Fakulti sedia menghulurkan apa saja bantuan yang diperlukan oleh atlet itu agar dapat cemerlang dalam bidang akademik dan sukan," katanya.

Pada majlis keraian itu, keempat-empat atlet menerima tajaan sebanyak RM22,000 daripada tiga syarikat korporat berbentuk wang tunai, penyertaan kursus tahap tertinggi dan buku-buku.

Selain itu, mereka juga memperoleh wang insentif berbentuk biasiswa sebanyak RM5,500 setiap seorang.

Sementara itu, keempat-empat pelajar ketika ditemui berkata akan mensasarkan pingat emas pada Kejohanan Asia tahun 2012 buat kali pertama sebagai atlet senior.

**Berita ini disediakan oleh Pejabat Pemasaran dan Komunikasi (MarComm)
(Syifarida binti Muhamad Zaki, 03-8946 6184) Foto (Mohd Hasrul Hamdan,
03-89468984)**